

## AMALAN TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN

*The Practice of Business Zakat Assessment*

**Nor Fadilah Bahari<sup>1\*</sup>**

**Noraini Shamsuddin<sup>2</sup>**

**Dr.Ahmad Misbah Muhammad Hilmi<sup>3</sup>**

**Teh Suhaila Tajudin<sup>4</sup>**

**Aza Shahnaz Azman<sup>5</sup>**

**Fadilah Mat Nor<sup>6</sup>**

<sup>1,2,3,4,5</sup> Lecturer, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor(KUIS)fadi

\*Corresponding author (Email: [norfadilah@kuis.edu.my](mailto:norfadilah@kuis.edu.my))

Diterima: 4 Februari 2021, Diproses: 6 Februari 2021, Diterbitkan: 31 Mac 2021

---

**Abstrak:** Kaedah taksiran zakat perniagaan perlu dilakukan sebaiknya agar jumlah bayaran zakat perniagaan yang dilunaskan adalah tepat kiraannya. Secara amnya, amalan taksiran zakat perniagaan yang dilakukan oleh peniaga di Malaysia menggunakan pelbagai kaedah taksiran dan tidak diseragamkan. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pembuat keputusan dalam pembayaran zakat perniagaan dan analisa amalan taksiran zakat yang dilakukan oleh para peniaga. Perbincangan berkaitan amalan taksiran zakat turut dibincangkan berdasarkan kajian-kajian lepas. Borang soal selidik diedarkan kepada peniaga-peniaga di negeri Selangor mengikut beberapa jenis perniagaan. Kaedah analisis deskriptif digunakan bagi mengenal pasti kaedah taksiran yang dilakukan oleh peniaga-peniaga dalam memenuhi objektif kajian. Hasil daripada kajian ini mendapati majoriti responden melakukan taksiran zakat dan membuat keputusan dalam pembayaran zakat perniagaan adalah pemilik perniagaan itu sendiri. Namun begitu, masih terdapat sebilangan kecil yang tidak melakukan taksiran zakat perniagaan mereka. Manakala analisa kaedah taksiran zakat perniagaan, dapatkan kajian menunjukkan kebanyakan responden mengaplikasi kaedah taksiran berdasarkan keuntungan dalam membuat pembayaran zakat perniagaan. Daripada dapatkan kajian, jelas menunjukkan masih terdapat kekeliruan dikalangan peniaga dalam melakukan kaedah taksiran zakat perniagaan. Kajian lanjutan berkaitan amalan taksiran zakat perniagaan dikalangan peniaga harus dilaksanakan dengan melibatkan lebih ramai peniaga dan sebaran maklumat oleh pihak zakat berkaitan kaedah taksiran yang sesuai digunakan perlu dipergiatkan bagi memastikan peniaga melaksanakan amalan taksiran yang lebih baik.

**Kata Kunci :** Zakat Perniagaan, Amalan Taksiran Zakat, Peniaga

**Abstract:** The business zakat assessment method should be measured and evaluated to provide accurate assessment of business zakat payment. In general, the business zakat assessment practises carried out by entrepreneurs in Malaysia use different assessment methods and are not standardised. The objective of this study is therefore to identify decision-makers in the payment of business zakat and the analysis of zakat assessment practises carried out by business entities. Discussions on the practise of zakat assessment are also discussed on the basis of previous studies. Questionnaires were distributed to traders in the state of Selangor according to a number of types of business. Descriptive methods of analysis are used to identify the methods of assessment used by business entities to meet the objectives of the study. The results of this study found that the majority of the respondents were making a zakat assessment and the decision-maker was the business owner. However, there are still a small number of people who do not evaluate their zakat business. While an analysis of the business zakat assessment method, the findings of the study show that the majority of respondents use the profit-based assessment method to make zakat payments to businesses. From the findings of the study, it is clear that there is still confusion among business entities with regard to the business zakat assessment method. Further research on business zakat assessment practises among business entities should be carried out involving more business entities and the dissemination of zakat information on the appropriate assessment methods used should be stepped up to ensure that business entities implement better assessment practises.

**Keywords:** Business Zakat, Zakat Assessment practice, Business entities.

---

## PENGENALAN

Sebagai ummat Islam kewajiban menunaikan zakat jelas ditegaskan didalam rukun Islam yang kelima. Jika dilaksanakan rukun Islam yang ke lima ini, kesannya adalah sangat besar dan memberi impak positif samaada kepada si pembayar atau pihak yang menerimanya. Ini ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W dalam sabdanya :

Yang bermaksud, “*zakat itu tidak sama sekali mengurangkan harta*”

(Riwayat Muslim 2588).

Harta yang diusahakan tidak sama sekali akan habis atau berkurang jika menunaikan zakat malah ia dijanjikan oleh ALLAH pelbagai kebaikan kepada yang menunaikannya. Kebaikan berzakat yang jelas antaranya Allah SWT akan menjauhkan harta tersebut daripada sesuatu yang memudaratkannya, menguatkan hubungan persaudaraan diantara mereka yang kaya dan yang memerlukan, dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat yang keji dan dapat memberikan agihan ekonomi yang sempurna dikalangan masyarakat amnya.

Zakat dibahagikan kepada zakat Fitrah dan zakat harta. Zakat perniagaan merupakan salah satu zakat yang dikategorikan di bawah zakat harta. Pada hari ini, saban tahun kutipan zakat perniagaan mencatatkan pertumbuhan yang baik. Ini dibuktikan melalui jumlah hasil bayaran zakat perniagaan yang semakin meningkat di setiap negeri. Melalui laporan tahunan zakat bagi beberapa negeri seperti negeri Selangor dan di beberapa negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Johor dan Melaka, zakat perniagaan merupakan penyumbang kedua terbesar

selepas zakat pendapatan. Sebagai contoh di Selangor jumlah zakat harta sebanyak RM793.7 juta dan telah diagihkan sebanyak RM829.9 juta bagi kepada lapan golongan asnaf di Selangor sepanjang tahun 2018. Manakala bagi kutipan zakat perniagaan pada 2018 direkodkan sebanyak RM151,884,609 juta. Jika berlaku peningkatan jumlah zakat perniagaan di setiap negeri-negeri, ini akan memberi lebih faedah kepada golongan asnaf secara khasnya justeru dapat membangunkan ekonomi negara amnya.

Namun begitu dalam menunaikan kewajipan berzakat, taksiran zakat harus dilakukan dengan tepat dan berkesan. Entiti perniagaan perlu melaksanakan taksiran zakat perniagaan mereka setiap tahun. Berdasarkan situasi di Malaysia pada hari ini terdapat beberapa kaedah taksiran dilakukan dan berlaku ketidakseragaman dalam taksiran zakat yang dilakukan oleh peniaga di Malaysia. Oleh itu kajian ini bertujuan mengenal pasti pembuat keputusan dalam pembayaran zakat perniagaan dan amalan taksiran zakat yang dilakukan oleh entiti perniagaan dalam menunaikan zakat perniagaan.

## KAJIAN LITERATUR

### **Definisi Zakat dan Zakat Perniagaan serta Kewajiban Menunaikan Zakat Perniagaan menurut Al-Quran dan Hadis.**

Daripada istilah bahasa zakat bererti bersih, suci dan berkembang. Manakala daripada istilah syarak, zakat bererti mengeluarkan sebahagian harta tertentu untuk diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerima setelah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak (LZS,2016). Zakat perniagaan pula secara khususnya iaitu berasal daripada perkataan ‘*arud*’ jamak kepada ‘*aradum*’. Ia bermaksud barang dalam dunia selain emas dan perak sama ada ianya barang perhiasan, harta tidak alih, binatang, tanaman, pakaian dan sebagainya yang disediakan untuk perniagaan.

Zakat perniagaan wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan samaada berasaskan pembuatan, perlombongan, perikanan, perkапalan, pembekalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan diperniagakan. Nas yang menjadi asas kepada kewajiban membayar zakat perniagaan adalah sebagaimana firman Allah SWT T dalam surah *Al-Baqarah* ayat 267:

*“Wahai orang-orang yang beriman, keluarkan zakat sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”*

Berdasarkan nas ini, jelas menunjukkan zakat perniagaan wajib dikeluarkan ke atas hasil daripada harta perniagaan samaada melibatkan barang atau perkhidmatan.<sup>1</sup> Asas kepada pengenalan zakat perniagaan juga berdasarkan dalil berikut;

*“(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari*

---

<sup>1</sup> Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji(JAWHAR),2018.

(kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.” [Surah Al-Nur (24): 37]<sup>2</sup>

Selain itu, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Ubayd al-Qasim Ibn Salam dalam Kitab Al-Amwal berkata:

*“Daripada Maimun Ibn Mihran: Apabila sudah tiba tempohnya kamu berzakat (cukup haul), maka hitunglah berapa jumlah wang tunai yang ada padamu, dan bagi barang perniagaan yang ada, nilailah ia dengan matawang, begitu juga segala hutang pelangganmu yang mampu (diharap kembali) hendaklah diambil kira dan kemudian tolakan hutangmu sendiri, barulah dikeluarkan zakat atas bakinya itu.”*

Berdasarkan dalil-dalil Al-Quran dan hadis yang dinyatakan, jelas zakat perniagaan wajib ditunaikan bagi mereka yang cukup syaratnya. Jadual 1 menerangkan syarat-syarat wajib bagi zakat perniagaan.

### Jadual 1: Syarat Wajib Zakat Perniagaan

Syarat	Penerangan
Muslim	Perniagaan yang mempunyai pemilikan modal yang bercampur antara Muslim dengan bukan Muslim, taksiran dibuat kepada entiti keseluruhannya tetapi hanya bahagian pemilikan orang Islam yang diwajibkan zakat.
Harta dan perkhidmatan yang halal	Harta-harta yang halal diwajibkan zakat. Bagi entiti yang ada percampuran halal dan haram maka bahagian yang halal sahaja ditaksirkan zakatnya seperti perbankan dan koperasi Islam.
Cukup Nisab	<i>Nisab</i> harta perniagaan dan wang ialah sebanyak 20 <i>mithqal</i> (25.2259 <i>mayam</i> atau 85 gram emas). Ketetapan ini bersandarkan nilai mata wang yang berdasarkan emas, kadar zakatnya sebanyak 2.5 peratus setelah genap setahun ( <i>haul</i> ). Oleh itu, apabila nilai harta perniagaan bersamaan atau melebihi <i>nisab</i> , maka harta tersebut diwajibkan zakat.
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Perniagaan Perkongsian</b></li> </ul> <p><i>Nisab</i> perniagaannya ditaksirkan kepada jumlah keseluruhan nilai harta yang dimiliki. Bagi perkongsian yang melibatkan rakan kongsi bukan Muslim, zakat tetap ditaksirkan secara keseluruhan harta perkongsian tetapi setelah ditaksir nilai zakatnya, zakat hanya diwajibkan terhadap pemilik Muslim.</p>
Cukup Haul	Harta yang dizakatkan hendaklah dikira dari awal perniagaan sehingga genap tempoh satu tahun. Menurut <i>Syafi’iyah</i> , asas penilaian harta perniagaan adalah dengan mengambil kira keadaan perniagaan pada akhir <i>haul</i> . <i>Haul</i> hanya disyaratkan terhadap harta

<sup>2</sup> Pusat Pungutan Zakat, MAIWP

---

	tertentu seperti harta perniagaan, mata wang, emas, perak dan ternakan.
Harta yang produktif ( <i>al-Nama'</i> )	Harta yang wajib dikenakan zakat terdiri daripada harta yang boleh berkembang atau berpotensi untuk berkembang.
Milik Sempurna	Harta yang diwajibkan zakat mestilah sempurna milik dari segi pemilikan fizikal ( <i>hizayah</i> ) dan pemiliknya berkeupayaan mengurustadbir ( <i>tasarruf</i> ) harta.
Sumber harta perniagaan	Jumhur ulama (selain <i>Hanafiyah</i> ) mensyaratkan harta itu perlu diperoleh dengan cara tukaran seperti jual beli dan sewaan. Jika aset perniagaan diperoleh dengan cara selain tukaran seperti melalui pusaka, <i>hibah</i> , sedekah maka ia tidak diwajibkan zakat sehingga barang itu diniagakan.
Niat untuk diniagakan	Tujuan atau niat perniagaan mestilah dilakukan ketika memiliki barang sama ada melalui ' <i>iwad</i> ' (tukaran atau balasan) atau cara lain dan aset tersebut akan menjadi sebahagian aset yang dipunyai oleh perniagaan dengan tujuan diperniagakan untuk mendapatkan perolehan atau keuntungan.
Harta perniagaan tidak digunakan untuk kegunaan sendiri	Menurut mazhab Syafi'i, Hanbali dan Maliki, apabila sesuatu perniagaan yang dimiliki untuk kegunaan sendiri, maka harta itu tidak tertakluk kepada zakat perniagaan tetapi akan dibuat taksiran zakat atas pendapatan individu.

---

Nota: Diambil daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (2008)

Berdasarkan jadual 1 yang disertakan, mereka yang terlibat dengan perniagaan dan memenuhi syarat tersebut, maka diwajibkan mereka menunaikan zakat perniagaan. Oleh itu, taksiran zakat harus dilakukan dengan sempurna dan menggunakan kaedah yang terbaik dan lebih tepat supaya ia memenuhi tuntutan yang disyariatkan oleh agama.

### Amalan Taksiran Zakat

Taksiran zakat harus dilakukan setiap tahun mengikut hasil perniagaan yang diperoleh daripada perniagaan tersebut. Di Malaysia, sekurang-kurangnya terdapat tiga kaedah perakaunan zakat perniagaan iaitu melalui modal kerja, modal berkembang dan kaedah berasaskan keuntungan. Kaedah perakaunan zakat yang diterima umum iaitu kaedah modal kerja dan kaedah modal berkembang. Majoriti *fuqaha* berpandangan bahawa modal kerja merupakan kaedah yang mematuhi syarak dan bertepatan dengan sunnah Rasulullah SAW. Kaedah ini juga telah diguna pakai oleh Khalifah Uthman bin Affan. Rasionalnya modal kerja diwajibkan zakat adalah disebabkan oleh potensinya untuk mendatangkan pendapatan.

Selain itu pandangan cendekiawan juga mengatakan bahawa kaedah modal kerja berbanding modal berkembang adalah kerana zakat perniagaan mestilah mengambil kira hanya kaedah *syar'iyyah* dan bukanlah kaedah *urufiyyah*. Namun terdapat juga cendiakawan bersetuju kedua-dua kaedah ini diguna pakai. Walaubagaimanapun, kaedah modal kerja juga mempunyai kelebihannya apabila berlakunya keadaan sesuatu perniagaan akan dikecualikan zakat selagi modal kerja adalah negatif walaupun operasi syarikat memperoleh keuntungan

lumayan (Z.Hamat, 2014). Walaubagaimanapun kaedah modal kerja ini seharusnya diguna pakai oleh institusi zakat. Ini konsisten dengan pandangan Yusuf al-Qardhawi (1999:316-317).

Manakala bagi kaedah taksiran berdasarkan keuntungan, terdapat pelbagai pandangan dan perbincangan oleh fuqaha dan cendiakawan. Majoriti memberi pandangan bahawa taksiran zakat berdasarkan keuntungan adalah dipengaruhi oleh falsafah perukaian moden iaitu berteraskan keuntungan. Namun ini bercanggah dengan saranan beberapa institusi zakat di Malaysia apabila kaedah taksiran zakat perniagaan haruslah berdasarkan kepada taksiran modal kerja kerana ini bertepatan dengan amalan di zaman Rasulullah S.A.W dan *Khulafa Ar-Rasyidin*.

## METODOLOGI KAJIAN


*Reka Bentuk Kajian:* Kajian ini menggunakan kaedah kajian secara kuantitatif dalam pengumpulan data primer. Pengumpulan data primer ini dilakukan dengan mengedarkan soal selidik kepada responden. Responden yang terlibat adalah di kalangan pegawai atasan yang terlibat dalam proses pembuatan keputusan dan mempunyai maklumat mengenai aliran keluar masuk kewangan syarikat contohnya pemilik perniagaan, pengarah, ketua pegawai eksekutif, akauntan, dan eksekutif kewangan syarikat. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan ke atas senarai perniagaan dan saiz sampel yang ditetapkan. Sasaran responden adalah sebanyak 1000 syarikat yang terdiri daripada 4 kategori jenis perniagaan iaitu syarikat sendirian berhad, perniagaan perkongsian, koperasi, syarikat berhad bukan GLC dan syarikat berhad GLC. Soal selidik ini diedarkan kepada responden di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur secara kaedah.

*Instrumen Kajian:* Borang soal selidik digunakan sebagai alat mendapatkan data daripada responden. Borang soal selidik yang disediakan terbahagi mengikut dua kategori iaitu kategori Bahagian A: Latar Belakang Peniaga seperti jenis perniagaan dan pihak pembuat keputusan dan Bahagian B: taburan kekerapan Amalan Taksiran dan kaedah yang digunakan.

*Analisis Data:* Analisa kajian latar belakang responden dan analisa berkaitan amalan taksiran yang dilakukan oleh responden dilakukan secara deskriptif. Ia dirumuskan melalui penerangan melalui jadual dan rajah.


## ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian amalan taksiran zakat perniagaan telah dilaksanakan dengan melibatkan 1,100 responden namun hanya 1000 responden sahaja yang menjawab soalan kajian dengan sempurna dan diterimapakai bagi mencapai objektif kajian. Rajah 1 adalah carta pai yang menunjukkan taburan responden mengikut jenis perniagaan.



**Rajah 1. Taburan Responden mengikut Jenis Perniagaan**

Rajah 1 mencatatkan majoriti responden iaitu 565 syarikat (50.9%) mendaftarkan perniagaan sebagai syarikat Sendirian Berhad diikuti oleh pemilik perniagaan tunggal atau perkongsian iaitu sebanyak 399 perniagaan (35.9%). Bagi koperasi dan syarikat Berhad bukan Milikan Kerajaan (*Non GLC*) pula masing-masing mencatatkan 4.8% dan 4.7% dari jumlah keseluruhan responden. Hanya 41 responden (3.7%) mewakili Syarikat Berhad Milikan Kerajaan (*GLC*) di mana kategori ini merupakan satu-satunya responden yang tidak memenuhi sasaran kutipan iaitu sebanyak 50. Manakala kajian ini juga mengenal pasti pembuat keputusan dalam menentukan jumlah taksiran zakat perniagaan. Ini dapat ditunjukkan dalam rajah 2.



**Rajah 2 : Pembuat Keputusan Berkaitan Pengeluaran Zakat Perniagaan.**

Bagi pembuat keputusan berkaitan pengeluar zakat perniagaan, separuh responden iaitu 555 orang (50%) merupakan pemilik perniagaan. Pihak pengurusan perniagaan seperti ketua eksekutif (14.1%), ahli lembaga pengarah (13.3%) dan pengurusan tertinggi (12.1%) yang terlibat dalam pembuatan keputusan pengeluar zakat perniagaan mencatatkan 12%-14% sahaja. Penglibatan pihak luar iaitu ejen zakat dan akauntan masing-masing mewakili 4.9% dan 4.1%. Terdapat juga penasihat syarikat (1.6%) yang turut terlibat dalam pembuatan keputusan pengeluar zakat perniagaan.

### **Analisa Amalan Taksiran Zakat**

Berdasarkan daptan daripada kajian yang dilakukan, taburan kekerapan amalan taksiran zakat perniagaan dapat dilihat seperti Jadual 2 berikut.

**Jadual 2. Taburan Kekerapan Amalan Taksiran Zakat Perniagaan**

<b>Amalan Taksiran</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Taksiran Sendiri	357	78.6%
Pegawai zakat	320	( terdapat responden yang menjawab lebih daripada satu jawapan)
Ejen	109	
Tiada Taksiran	214	21.4%


Berdasarkan Jadual 2, daptan kajian menunjukkan amalan taksiran zakat perniagaan yang digunakan responden terdiri daripada pelbagai pihak. Bagi perniagaan yang telah pun mengeluarkan zakat perniagaan iaitu sebanyak 78.5% daripada 1000 perniagaan telah melakukan taksiran sama ada menggunakan taksiran sendiri, pegawai zakat dan khidmat ejen. Selain itu, terdapat juga beberapa perniagaan tidak hanya tertumpu kepada satu amalan taksiran sahaja. Daptan kajian mendapati, sebanyak 357 perniagaan mentaksir sendiri zakat perniagaan mereka. Manakala sebanyak 320 perniagaan melantik pegawai zakat dan seterusnya 109 perniagaan melakukan taksiran melalui ejen. Selain itu, kajian ini juga mencatatkan sebanyak 214 perniagaan (35.2%) daripada keseluruhan responden tidak melakukan taksiran zakat perniagaan.

Manakala bagi analisa amalan taksiran zakat perniagaan, responden ditanya berkaitan kaedah yang digunakan dalam melakukan taksiran. Bagi kaedah amalan taksiran zakat perniagaan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji(JAWHAR) turut mengeluarkan manual kaedah taksiran zakat harta di Malaysia bagi menyeragamkan kaedah yang digunakan oleh pembayar zakat. Ini bertujuan mengurangkan kekeliruan di kalangan pembayar dan institusi zakat itu sendiri (JAWHAR,2001). Jadual 3 menerangkan kaedah taksiran zakat perniagaan yang digunakan oleh peniaga adalah bergantung kepada jenis – jenis perniagaan yang didaftarkan.

**Jadual 3. Kaedah Tafsiran**

Modal Kerja	Jumlah harta yang dikenakan zakat = [Aset Semasa – Liabiliti Semasa] X % Pemilikan Saham Muslim X 2.5%	Kaedah modal kerja sesuai digunakan bagi syarikat-syarikat seperti syarikat sdn bhd, koperasi, enterprise, dan seumpama dengannya di mana terdapat pengelasan aset semasa dan liabiliti semasa.
Modal Berkembang	Jumlah harta yang dikenakan zakat = [Ekuiti Pemilik + Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap – Aset Separuh	Sesuai digunakan untuk institusi kewangan dan Perbankan Islam serta syarikat Berhad. Dimana

	Tetap] x % Pemilikan Saham Muslim x 2.5%	tiada pengelasan aset semasa dan liabiliti semasa
Untung Rugi	Jumlah Harta yang dikenakan zakat = [Hasil / Jualan/ Perolehan – Belanja/ Kos yang ditanggung ] x 2.5%	Sesuai digunakan bagi jenis perniagaan yang tiada akaun atau penyata kewangan bagi perniagaan kecil dan runcit contohnya peniaga pasar tani, pasar malam, kedai makan, gerai-gerai makanan kecil



**Rajah 3. Kaedah Taksiran**

Berdasarkan dapatan kajian pada Rajah 3, majoriti responden iaitu dengan peratusan 57.4% mengaplikasi kaedah taksiran berdasarkan keuntungan. Manakala sebanyak 30.9% menggunakan kaedah modal kerja. Bagi modal berkembang hanya 9.2% entiti perniagaan menggunakan kaedah tersebut dalam membuat perhitungan jumlah zakat perniagaan mereka. Selebihnya 2.5% pula responden menggunakan kaedah-kaedah lain. Kaedah-kaedah lain yang dinyatakan adalah seperti melalui kaedah anggaran, mengikut baki tunai dalam perniagaan dan mengikut simpanan perniagaan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan kebanyakan peniaga melakukan taksiran zakat perniagaan dan melaksanakan kewajiban mereka dalam menunaikan zakat. Namun terdapat segelintir peniaga yang tidak melakukan taksiran zakat disebabkan beberapa alasan tertentu seperti perniagaan masih belum cukup haul dan alasan mereka telah menunaikan zakat pendapatan. Daripada dapatan hasil kajian, bagi peniaga yang melakukan taksiran majoriti mereka menggunakan kaedah kadar keuntungan sebagai kaedah taksiran. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir peniaga melakukan taksiran mengikut fahaman dan kehendak mereka sendiri tidak seperti yang digalakkan oleh institusi zakat di Malaysia. Ini membuktikan masih terdapat kekeliruan dan ketidakfahaman dikalangan peniaga dalam membuat penilaian taksiran zakat perniagaan mereka. Mereka masih kurang jelas dan masih menggunakan kaedah mengikut kehendak sendiri. Oleh itu disarankan agar kesedaran perlu

dilakukan oleh institusi zakat di Malaysia dengan cara yang lebih proaktif. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan salah faham dikalangan peniaga dan ketidaktepatan peniaga dalam membuat pembayaran zakat perniagaan yang sebenar. Kajian lanjutan berkaitan amalan taksiran zakat perniagaan perlu dijalankan dengan melibatkan lebih ramai responden dan liputan kawasan yang lebih meluas agar kaedah taksiran sebenar yang dilakukan oleh peniaga dapat dikenalpasti dan ditambahbaik.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat ilahi dengan izinNYA dapatkan kajian berkaitan “Amalan Taksiran Zakat Perniagaan” dapat dikongsi dalam artikel jurnal ini. Terlebih dahulu ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang terlibat dalam kajian ini iaitu Pn. Noraini Shamsuddin selaku ketua kumpulan bagi kajian ini, dan penyelidik lain iaitu Dr Ahmad Misbah Muhammad Hilmi, Pn.Teh Suhaila Tajudin, Pn Aza Shahnaz Azman, dan Pn Fadilah Mat Nor.

Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat pembuat keputusan dalam menentukan pembayaran zakat perniagaan dan amalan taksiran zakat yang digunakan. Hasil kajian ini sangat bermanfaat terutama kepada Pusat Zakat di Malaysia khususnya dan masyarakat sendiri amnya dalam mengenalpasti kaedah –kaedah yang digunakan dan boleh digunakan oleh peniaga dalam melakukan taksiran zakat perniagaan.

Semoga kajian ini memberi kebaikan dan manfaat kepada semua dan ribuan terima kasih kepada Lembaga Zakat Kedah kerana memberi peluang kepada kami membentangkan kajian dan menyumbangkan hasil kajian dalam artikel jurnal ini. Terima Kasih.

## RUJUKAN

- Hamat, Z. (2014). Sustainable zakat accounting in Malaysia: An analysis. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(19), 139–146. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n19p139>
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (2008). Manual Pengurusan Zakat 2<sup>nd</sup> Edition. Diperolehi pada 3 Ogos 2018 daripada [http://intranet.jawhar.gov.my/penerbitan/p\\_admin/file\\_upload/mp\\_pengiraan\\_zakat.pdf](http://intranet.jawhar.gov.my/penerbitan/p_admin/file_upload/mp_pengiraan_zakat.pdf)
- Lembaga Zakat Selangor (MAIS). Panduan Zakat Perniagaan. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor, 2016. Diperolehi pada 4 Ogos 2018 daripada <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-perniagaan/>
- Yusof al-Qaradawi. 1999. *Fiqh az-Zakat: A Comparative Study*. Ter. Monzer Kahf, London: Dar Al Taqwa Ltd.
- Laman sesawang Pusat Pungutan Zakat MAIWP- Diperolehi pada 10 Jan 2020 daripada <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-perniagaan/>
- Laman sesawang Pusat Pungutan Lembaga Zakat Selangor - Diperolehi pada 10 Jan 2020 daripada <https://www.zakatselangor.com.my/zakat-perniagaan/>